



Headline: Wanita 40 tahun ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 30 October 2018

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 18

## Wanita 40 tahun ditipu Macau Scam

**KUANTAN** - Bimbang dengan dakwaan mempunyai waran tangkap dan asetnya akan dibeku, seorang pembantu perawatan kesihatan mengalami kerugian RM5,050 selepas menerima panggilan palsu daripada seorang wanita semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa yang merupakan wanita berusia 40 tahun itu dihubungi suspek yang mendakwanya terlibat dengan kegiatan judi haram dalam internet sebelum talian disambungkan kepada suspek lain yang menyamar sebagai anggota polis.

"Suspek kedua pula menyambungkan talian berkenaan kepada individu lain yang menyamar sebagai inspektor polis yang mengatakan mangsa terlibat

dengan sindiket penipuan.

"Mangsa selepas itu turut menerima sekeping gambar menerusi WhatsApp tentang perintah Mahkamah Persekutuan untuk menangkap dan membekukan asetnya," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Selepas itu, katanya, mangsa diminta mengeluarkan kesemua wang dalam akaun bank dan memasukkan ke dalam akaun yang diberikan oleh suspek bagi tujuan siasatan.

"Selepas pemindahan wang sebanyak RM5,050 selesai mangsa diminta merahsiakan perkara itu sehingga kes berkenaan selesai.

"Mangsa mula menyedari ditipu setelah menceritakan perkara itu kepada suaminya dan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan semalam (kelmarin)," katanya lagi.